

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik akan merumuskan hasil kajian ini. Cadangan tentang penghasilan buku teks bahasa Cina, dan perbincangan tentang batasan hasil kajian juga akan dikemukakan.

Kajian ini bermula daripada menganalisis kajian-kajian yang berkaitan, diikuti dengan memahami objektif pengajaran bahasa Cina tingkatan menengah rendah dan kandungan pengajaran, serta mengetahui kaedah penyusunan dan penghasilan bahan pengajaran. Penyelidik kemudiannya telah menyediakan borang soal selidik tentang persepsi pelajar tingkatan menengah rendah dalam pembelajaran Bahasa Cina.

Borang soal selidik ini melibatkan pelajar dari tiga buah sekolah menengah persendirian Cina. Soalan dalam borang soal selidik disediakan berasaskan keperluan seperti yang berikut:

1. Perasaan pelajar dalam mempelajari bahasa Cina,
2. Pandangan pelajar tentang teks dalam buku,

3. Pandangan pelajar tentang minat membaca,
4. Pandangan pelajar terhadap buku teks bahasa Cina tingkatan menengah rendah, dan
5. Perasaan dan pilihan pelajar apabila mempelajari teks yang terdapat dalam buku teks bahasa Cina tingkatan menengah rendah.

Rumusan hasil kajian adalah seperti yang berikut:

1. Berdasarkan jawapan yang terdapat dari kajian, sebanyak 78.8% (Soalan 1) pelajar yang berminat mempelajari bahasa Cina, manakala 18.7% pelajar yang tidak begitu berminat. Secara keseluruhan, kelihatan bahawa pelajar tidak mempunyai sikap yang negatif terhadap pembelajaran bahasa Cina, malah mereka suka mata pelajaran bahasa Cina. Dari segi cara pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 67.4% (Soalan 2) yang tidak memupuk kebiasaan membuat persediaan awal sebelum sesuatu pelajaran diajar oleh guru, dan sebanyak 67.8% (Soalan 3) pelajar yang hanya mengulangkaji menjelang peperiksaan.

Pada pendapat pelajar, tahap penguasaan bahasa Cina boleh dipertingkatkan melalui banyak latihan membaca dan mengarang, manakala bahan pengajaran yang disediakan perlu bersifat praktikal. Bahan pengajaran yang dapat menarik minat pelajar untuk belajar serta cara pengajaran guru yang menarik merupakan faktor utama yang mempengaruhi minat pelajar untuk mempelajari bahasa Cina. Dapatan kajian ini didapati selaras dengan hasil kajian yang dijalankan oleh He (1981).

2. Masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ketika mempelajari teks dalam buku adalah penghafalan teks tersebut, diikuti oleh penggunaan frasa atau ayat yang telah dipelajari. Bagi pelajar yang mempelajari teks klasik buat kali pertama, mereka mempunyai masalah memahami kosa kata dan isi utama teks yang berkenaan. Dalam konteks menilai tahap kesukaran teks, didapati bahawa teks yang mempunyai tajuk dan tujuan penyampaian yang jelas serta bahasa yang lancar senang dibaca, manakala teks yang mengandungi maksud tersirat dan tajuk yang abstrak sukar dibaca. Panjang sesuatu teks dan jumlah kota kasa didapati tidak menpengaruhi kebolehbacaan teks. Dapatan kajian ini juga selaras dengan hasil kajian He (1981).
3. Pelajar didapati lebih suka membaca jenis teks naratif dan teks yang meluahkan perasaan. Sebaliknya, mereka kurang berminat membaca jenis teks penerangan dan perbincangan. Pilihan pelajar terhadap sesuatu teks bergantung kepada sama ada kandungan teks itu dapat menarik minat pelajar untuk membaca. Pelajar didapati memilih teks yang mempunyai cara penyampaian yang menarik atau teks yang diminati oleh mereka. Sekali lagi, dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian He (1981).
4. Lebih separuh daripada jumlah pelajar dalam kajian ini dapat menyesuaikan diri terhadap buku teks bahasa Cina yang telah disusun mengikut topik latihan keupayaan bahasa. Umumnya, pelajar dapat memenuhi sesetengah paduan dan objektif yang dikemukakan dalam setiap topik. Hanya sebilangan kecil pelajar

yang dapat memenuhi kesemua paduan dan objektif atau yang tidak dapat memenuhi paduan dan objektif sesuatu topik. Lebih 50% (Soalan 21) daripada jumlah pelajar berpendapat bahawa bahan pengajaran yang dipelajari membolehkan mereka menguasai bahasa dengan lebih baik dan juga mengenali budaya negara China. Melalui pendapat yang disampaikan ini, kelihatan bahawa pelajar memang dapat menerima struktur buku teks bahasa Cina yang disusun mengikut topik latihan keupayaan bahasa.

Dari segi jumlah teks dalam buku, sebanyak 44.3% (Soalan 15) pelajar berpendapat bahawa jumlah teks yang disertakan bergantung kepada tahap kesukaran setiap teks dalam setiap jilid buku. Dengan kata lain, jika teks-teks tertentu itu lebih sukar, maka jumlahnya bolehlah dikurangkan. Sebaliknya, jika teks-teks itu didapati mudah, maka jumlahnya bolehlah ditambah. Terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang berasa bahawa jumlah teks yang dibekalkan itu didapati terlalu banyak atau terlalu sedikit.

Dari segi nisbah teks moden dan teks klasik dalam buku, sebanyak 47% (Soalan 16) pelajar yang berpuas hati dengan nisbah teks yang sedia ada. Namun, terdapat juga pelajar yang berasa bahawa teks moden dan teks klasik perlu disusun secara wajar. Secara keseluruhannya, nisbah teks moden dan klasik dalam buku dapat diterima oleh pelajar.

Dari segi penggunaan teks klasik dalam buku teks, sebanyak 43.6% (Soalan 18) pelajar yang berasa sukar untuk memahami kandungan teks, manakala sebanyak 18.3% pelajar yang berpendapat bahawa kandungannya sangat sukar untuk difahami. Hal ini demikian kerana pelajar mempunyai masalah untuk memahami maksud kosa kota dalam teks klasik. Ini menjelaskan keupayaan mereka untuk memahami maksud sesebuah teks. Dari segi tahap kesukaran teks pula, sebanyak 52.1% (Soalan 19) pelajar didapati mempunyai sedikit masalah dalam memahami kandungan teks klasik.

Walaupun begitu, umumnya, pelajaran teks klasik masih digemari oleh pelajar. Namun, terdapat sejumlah pelajar tertentu yang tidak suka membaca teks moden. Ini menunjukkan bahawa zaman penghasilan karya bukan merupakan satu faktor yang begitu penting untuk menentukan sama ada bahan pengajaran diterima oleh pelajar atau tidak.

Dari segi susunan kandungan buku teks, kebanyakan pelajar yakin bahawa buku teks memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan keupayaan mengarang. Pelajar juga berpendapat bahawa buku teks dapat membantu dalam melatih keupayaan mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Kebanyakan pelajar masih dapat menyesuaikan diri dengan tahap kesukaran pelajaran teks moden. Akan tetapi, mereka masih berharap agar

kandungan bahan pengajaran sejajar dengan pengalaman hidup mereka kerana ini dapat menarik minat untuk belajar.

Dari segi pemilihan bahan pelajaran, pelajar didapati paling suka bahan pengajaran yang mempunyai kandungan menarik dan sesuai dengan minat serta kehidupan seharian mereka. Satu lagi perkara yang ingin penyelidik bincangkan di sini ialah: dalam “Laporan Penilaian Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah”¹² yang disediakan oleh Dong Jiao Zong pada tahun 1996, guru-guru telah mengemukakan pelajaran yang sesuai untuk bacaan pelajar, antara lain Pelajaran 1 dalam Buku Jilid Pertama yang bertajuk “Xin Nian De Li wu” (Hadiah Tahun Baru), Pelajaran 5 yang bertajuk “Xiao Hua Er Ze” (Dua Buah Cerita Jenaka), Pelajaran 7 yang bertajuk “Yi She Jiu Ri” (Yi Memanah Sembilan Matahari) dan Pelajaran 24 dengan sajak yang bertajuk “Xie Jin Shi San Shou” (Tiga Buah Puisi Pemandangan). Dalam borang soal selidik yang telah dilengkapi, pelajar juga didapati menggemari pelajaran-pelajaran yang dinyatakan di atas.

Selain daripada itu, guru-guru juga berpendapat bahawa sesetengah pelajaran boleh digugurkan, antara lain Pelajaran 4 dalam Buku Jilid Pertama yang bertajuk “Ru Gou Qiao Shang Shi Si Zi” (Singa Batu Atas Jambatan), Pelajaran 12 yang bertajuk “Kan Chao” (Menatap Ombak),

¹² Laporan ini merupakan penilaian buku teks bahasa Cina yang telah dijalankan oleh Jawantankuasa Bahagian Sukatan Pelajaran Dong Jiao Zong terhadap enam orang guru daripada lima buah sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia (Yuk Choy, Foon Yew, Kuen Cheng, dan Hin Hwa) dari Februari 1996 hingga November 1996.

Pelajaran 14 yang bertajuk “Ma Lai Min Zhu De Wu dao Yi Shu” (Seni Tarian Melayu), Pelajaran 16 yang bertajuk “Tang Lang” (Mentadak), dan Pelajaran 18 yang bertajuk “Cha Ju” (Jarak), Pelajaran 3 dalam Buku Jilid Ketiga yang bertajuk “Zui Da De Dong Wu – Jing” (Ikan Paus – Haiwan Terbesar), Pelajaran 23 yang bertajuk “Kou Ji” (Kemahiran Meniru Bunyi), dan akhirnya Pelajaran 2 dalam Buku Jilid Kelima yang bertajuk “Xiao Fei Ren De Quan Li He Yi Wu” (Hak dan Kewajipan Konsumer). Kesemua pelajaran yang tersenarai ini dianggap sukar difahami dan sukar untuk menarik perhatian pelajar.

Jika dibandingkan dengan borang soal selidik yang telah dikendalikan oleh penyelidik, didapati pelajaran yang digugurkan oleh guru atau pelajaran yang dianggap tidak sesuai untuk pelajar kebanyakannya juga tidak dapat diterima oleh pelajar. Pelajar telah menyenaraikan pelajaran-pelajaran tersebut sebagai pelajaran yang tidak digemari. Mereka menjelaskan bahawa pelajaran-pelajaran tersebut “mempunyai maksud yang sukar difahami, tajuk dan tujuan teks tidak jelas, tidak menarik, tidak sesuai dengan minat mereka”. Dengan respons ini, pandangan guru dan pelajar didapati agak setara seperti yang tercatat dalam “Laporan Penilaian Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah”. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada mana-mana pihak yang ingin menjalani kajian yang lebih menyeluruh tentang angkubah ini pada masa muka.

Soalan-soalan latihan pada akhir setiap pelajaran disediakan berdasarkan “latihan bahasa”, “perkembangan rohani”, dan “penghayatan sastera”. Pelajar berpendapat bahawa latihan yang disediakan ini berupaya membantu mereka memahami pelajaran dan memperkembangkan daya fikiran mereka. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju dengan peranan latihan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pelajar yang mampu menyempurnakan latihan atau aktiviti tersebut secara berdikari, kebanyakan pelajar dapat berbuat demikian sekali-sekala, yang lain mengalami masalah untuk menyempurnakan latihan secara berdikari. Barangkali latihan yang disediakan itu melampaui keupayaan kebanyakan pelajar. Kebanyakan pelajar berasa kualiti latihan yang dibekalkan itu sesuai, tetapi sebanyak 13.9% (Soalan 27) pelajar berharap agar kekerapan latihan dapat ditambah.

Menerusi soal selidik, pelajar didapati bersetuju dengan objektif pengajaran secara umum. Walaupun begitu, terdapat sejumlah pelajar yang berasa bahawa selain melakukan pengajaran secara praktikal, tahap bahan pengajaran sepatutnya bersifat sederhana dan selaras dengan perkembangan fikiran dan daya pembelajaran mereka. Objektif pengajaran yang terlalu tinggi hanya akan melemahkan semangat pelajar.

5. Dari segi pilihan teks dalam buku bahasa Cina, pelajar Tingkatan Menengah Rendah Satu tidak mempunyai pilihan tetap terhadap sesuatu jenis teks.

Mereka dapat menerima sesuatu teks asalkan kandungannya menarik dan senang dibaca. Pelajar Tingkatan Rendah Dua pula didapati lebih suka membaca jenis teks naratif. Manakala pelajar Tingkatan Menengah Rendah Tiga lebih suka membaca jenis teks yang meluahkan perasaan. Sebaliknya, mereka ini tidak suka membaca jenis teks penerangan. Keadaan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi umur pelajar, semakin jelas pilihan mereka terhadap sesuatu jenis teks.

Satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian ialah: dalam kajian ini, walaupun banyak pelajar mengalami kesukaran untuk memahami teks klasik, mereka masih gemar membaca puisi dan lagu klasik. Ini adalah kerana pelajar berpeluang memahami budaya Cina melalui karya klasik tentang masyarakat tradisional Cina serta nyanyian puisinya. Jelas sekali, panjang teks dan jumlah kosa kata tidak mempengaruhi kegemaran pelajar terhadap sesuatu teks.

Dalam Bab ini, satu jadual penerangan tentang lima pelajaran dalam jilid-jilid buku teks bahasa Cina yang paling digemari dan paling tidak digemari dapat dikemukakan berdasarkan hasil kajian ini. Jadual 8 berikut menjelaskan susunan, jenis teks, tajuk dan kandungan utama pelajaran-pelajaran yang terlibat:

Jadual 12: Teks-teks Dalam Buku Teks Bahasa Cina Jilid Pertama Tingkatan Menengah Rendah Satu Yang Digemari Dan Tidak Digemari

Pilihan Pelajar	No Pilihan	Pelajaran	Jenis Teks	Tajuk teks (Dalam Bahasa Malaysia)	Kandungan Utama
Digemari	1	Pelajaran 5	Naratif	Dua Buah Cerita Jenaka	Watak diejek kerana salah tulis, salah baca dan menggunakan frasa yang kurang sesuai.
	2	Pelajaran 1	Perbincangan	Hadiyah Tahun Baru	Mengisahkan pendapat penulis bahawa langkah pertama perlu diambil untuk melakukan sesuatu hal dan sikap sambil lewa tidak patut diwujudkan.
	3	Pelajaran 7	Naratif	Yi Memanah Sembilan Matahari	Mengisahkan harapan manusia zaman silam yang ingin mengatasi bencana alam tetapi tidak berupaya berbuat demikian.
	4	Pelajaran 9	Luahan perasaan	Bintang	Mengisahkan perasaan penulis ketika memerhatikan bintang di tiga kawasan yang berlainan.
	5	Pelajaran 24	Klasik	Tiga Buah Puisi Pemandangan	Menggambarkan pemandangan alam sekitar.
Tidak digemari	1	Pelajaran 18	Naratif	Jarak	Mengisahkan pengalaman hidup dan percintaan penulis di negara Amerika Syarikat.
	2	Pelajaran 14	Penerangan	Seni Tarian Melayu	Memperkenalkan jenis tarian Melayu, rentak dan keistimewaannya.
	3	Pelajaran 9	Luahan Perasaan	Bintang	Mengisahkan perasaan penulis ketika memerhatikan bintang di tiga kawasan yang berlainan.
	4	Pelajaran 15	Luahan Perasaan	Musim Biji Getah Meletup	Penulis menggambarkan bunyi ketika biji getah meletup serta perasaan gembiranya.
	5	Pelajaran 4	Naratif	Singa Batu Di atas Jambatan	Menggambarkan gaya singa batu dan suasana di atas jambatan.
		Pelajaran 6	Naratif	Kebun Bunga Yang Terbiar	Cerita teladan yang berdasarkan sebuah kebun bunga yang terbiar.

Jadual 13: Teks-teks Dalam Buku Bahasa Cina Jilid Ketiga Tingkatan Menengah Rendah Dua Yang Digemari Dan Tidak Digemari.

Pilihan Pelajar	No. Pilihan	Pelajaran	Jenis Teks	Tajuk teks (Dalam Bahasa Malaysia)	Kandungan Utama
Digemari	1	Pelajaran 17	Naratif	Atuk Penghantar Susu Yang Bersikap Penyayang	Sebuah cerita yang mengharukan yang mengisahkan seorang profesor tua yang telah bersara.
	2	Pelajaran 20	Naratif	Kelas Yang Terakhir	Mengisahkan peristiwa kelas bahasa Perancis yang terakhir serta perasaan penulis.
	3	Pelajaran 2	Perbincangan	Kecantikan Dan Kehodohan	Mencadangkan bahawa kecantikan bukan dinilai hanya dari segi wajah, sebaliknya kecantikan perlu dinilai dari segi hati.
	4	Pelajaran 16	Naratif	Pengebumian Laut	Mengisahkan seorang pembeli yang hanya mementingkan keuntungan sanggup melakukan perbuatan yang tidak bersifat keperimanusiaan.
	5	Pelajaran 10	Luahan Perasaan	Seketul Batu Yang Buruk	Keluhan terhadap hakikat hidup melalui kisah seketul batu yang buruk.
Tidak digemari	1	Pelajaran 14	Naratif	Dari Tulisan Kuno Atas Tulang Hingga Penghasilan Buku Bergambar	Memperkenalkan sejarah perkembangan buku bahasa Cina.
	2	Pelajaran 23	Naratif	Kemahiran Meniru Bunyi	Mengisahkan satu paduanan meniru bunyi yang menarik.
	3	Pelajaran 15	Penerangan	Proses Pembelajaran Menghasilkan Pelajar yang bijak Atau sebaliknya	Menjelaskan bahawa berfikir adalah penting dalam proses membaca.
	4	Pelajaran 5	Puisi Luahan Perasaan	Kepada Jejaka Bangsa Cina	Memuji keikhlasan jejaka bangsa Cina dan Semangat berkorban untuk negara.
	5	Pelajaran 3	Penerangan	Ikan Paus - Haiwan Terbesar	Menyatakan ciri-ciri ikan paus.

Jadual 14: Teks-teks Dalam Buku Bahasa Cina Jilid Kelima Tingkatan Menengah Rendah Tiga Yang Digemari Dan Tidak Digemari

Pilihan Pelajar	No Pilihan	Pelajaran	Jenis Teks	Tajuk teks (Dalam Bahasa Malaysia)	Kandungan Utama
Digemari	1	Pelajaran 18	Luahan Perasaan	Bayangan	Menyatakan perasaan rindu terhadap ayah melalui gambaran sifat-sifatnya.
	2	Pelajaran 10	Luahan Perasaan (sajak)	Shui Diao Ge Tou	Penulis meluahkan perasaan bosan dan sikap positifnya terhadap hidup.
	3	Pelajaran 4	Luahan Perasaan	Laici Manis	Penulis meluahkan perasaannya melalui pujian terhadap lebah.
	4	Perlajaran 17	Luahan Perasaan	Cikgu Saya	Penulis menggambarkan kecantikan seorang guru wanita melalui pertuturan dan perlakuan guru tersebut.
	5	Pelajaran 8	Perbincangan	Ketika Masih Muda	Menasihati manusia agar berusaha sedaya upaya memperoleh pengetahuan ketika muda, dan bersiap sedia untuk masa hadapan.
Tidak digemari	1	Pelajaran 2	Penerangan	Hak dan Kewajipan Konsumer	Menerangkan hak asasi Seorang konsumen serta kewajipannya.
	2	Pelajaran 3	Penerangan	Berperang Dengan Musuh Negara	Menerangkan bahayanya dadah dan cara menhapuskan gejala penyalahgunaan dadah.
	3	Pelajaran 1	Penerangan	Sikap Menyukai Kerja	Menerangkan sikap yang betul terhadap pekerjaan.
	4	Pelajaran 6	Luahan Perasaan	Jalan Di Kota Lama— Melaka	Penulis menggambarkan pemandangan di Melaka dan meluahkan perasaannya.
	5	Pelajaran 16	Perbincangan	Peminjaman Buku dan Pembacaan	Membincangkan faedah membaca buku berdasarkan cerita sejarah.

Daripada dapatan kajian seperti yang dipaparkan menerusi jadual-jadual di atas, beberapa rumusan dapat disimpulkan seperti yang berikut:

A. Jenis Teks Yang Gemar Dibaca

Pelajar gemar membaca jenis teks naratif dan luahan perasaan. Mereka menggemari teks yang melibatkan gambaran pemandangan, puisi dan sajak (shi, ci, qu) yang meluahkan perasaan, seperti yang terdapat pada Pelajaran 5 dalam Buku Jilid Pertama yang bertajuk “Xiao Hua Er Ze” (Dua Buah Cerita Jenaka), Pelajaran 17 dalam Buku Jilid Ketiga yang bertajuk “Song Niu Nai De Hao Ye Ye” (Atuk Pengantar Susu Yang bersikap Penyayang); dan Pelajaran 10 dalam Jilid Kelima dengan sajak yang bertajuk “Shui Diao Ge Tou”.

Pelajaran yang digemari oleh pelajar dapat dikategorikan kepada 5 jenis seperti yang berikut:

1. Pelajaran yang senang dibaca dan dapat melahirkan rasa mesra pelajar terhadap watak, hal atau benda yang berkaitan dengan pengalamannya, kata atau frasa yang digunakan itu dapat difahami oleh pelajar, maka pelajaran itu akan digemari. Hal ini dapat diperlihatkan menerusi Pelajaran 18 yang bertajuk “Bei Ying” (Bayangan) dan Pelajaran 4 yang bertajuk “Li Zi Mi” (Laici Manis) dalam Buku Jilid Kelima.

2. Pelajar gemar membaca teks yang merupakan kisah benar dan mengharukan, misalnya Pelajaran 9 yang bertajuk “Fan Xing” (Bintang) dalam Buku Jilid Pertama, dan Pelajaran 20 yang bertajuk “Zui Hou Yi Ke” (Kelas Yang Terakhir) dalam Buku Jilid Ketiga.
3. Watak yang bersikap murni dan disanjung tinggi, seperti yang terdapat pada Pelajaran 17 yang bertajuk “Song Niu Nai De Hao Ye Ye” (Atuk Penghantar Susu Yang Bersikap Penyayang) dalam Buku Jilid Ketiga dan Pelajaran 17 yang bertajuk “Wo De Lao Shi” (Cikgu Saya) dalam Buku Jilid Kelima berjaya menarik minat pelajar untuk membaca.
4. Pelajaran yang dapat membina persepsi hidup yang positif juga digemar oleh pelajar-pelajar, misalnya Pelajaran 1 yang bertajuk “Xin Nian De Li Wu” (Hadiah Tahun Baru) dalam Buku Jilid Pertama, Pelajaran 2 yang bertajuk “Mei Yu Chou” (Kecantikan Dan Kehodohan) dan Pelajaran 10 yang bertajuk “Chou Shi” (Seketul Batu Yang Buruk) dalam Buku Jilid Ketiga serta Pelajaran 8 yang bertajuk “Chen Nian Qing De Shi Hou” (Ketika Masih Muda) dalam Buku Jilid Kelapan juga menarik minat pelajar.
5. Pelajaran yang berunsur jenaka, misalnya Pelajaran 5 yang bertajuk “Xiao Hua Er Ze” (Dua Buah Cerita Jenaka) dan Pelajaran 7 yang bertajuk “Yi She Jiu Ri” (Yi Memanah Sembilan Matahari) dalam Buku Jilid Pertama tetap digemari oleh para pelajar.

Maka, jelaslah bahawa pelajaran yang digemari oleh pelajar dalam kajian ini selaras dengan dapatan kajian He (1981).

B. Jenis Teks Yang Tidak Digemari

Teks penerangan didapati paling tidak digemari oleh pelajar. Dalam teks klasik pula, oleh sebab terdapat banyak frasa dan ayat yang sukar difahami, pelajar juga mengalami masalah ketika membaca. Hal ini dapat diperlihatkan menerusi Pelajaran 14 yang bertajuk “Ma Lai Ming Zu Wu Dao Yi Shu” (Seni Tarian Melayu), Pelajaran 23 yang bertajuk “Kou Ji” (Kemahiran Meniru Bunyi) dalam buku Jilid Ketiga, Pelajaran 2 yang bertajuk “Xiao Fei Ren De Quan Li He Yi Wu” (Hak Dan Kewajipan Konsumer) dan Pelajaran 3 yang bertajuk “Xiang Wo Guo De Shou Hao Di Ren Xuan Zhan” (Mencabar Dengan Musuh Utama Negara Kita) dalam buku Jilid Kelima.

Pelajaran yang tidak digemari oleh pelajar dapat dikategorikan kepada 5 jenis seperti yang berikut:

1. Kandungan pelajaran membosankan dan terlalu panjang¹³, misalnya Pelajaran 14 yang bertajuk “Ma Lai Ming Zu De Wu Dao Yi Shu” (Seni Tarian Melayu) dalam Buku Jilid Pertama dan Pelajaran 2 yang bertajuk “Xiao Fei Ren De Quan Li Yu Yi Wu” (Hak dan Kewajipan Konsumer) dalam Buku Jilid Kelima.

¹³ Teks bertajuk “Ma Lai Ming Zu De Wu Dao Yi Shu” (Seni Tarian Melayu) mengandungi lebih kurang 1350 perkataan, dan teks bertajuk “Xiao Fei Ren De Quan Li Yu Yi Wu” (Hak dan Kewajipan Konsumer) pula mengandungi lebih kurang 2350 perkataan.

2. Pelajaran yang tidak berkaitan dengan pengalaman hidup pelajar, melampaui daya imaginasi dan kefahaman pelajar memandangkan pelajar tinggal di bandar, misalnya Pelajaran 15 yang bertajuk “Xiang Shi Bao Lie De Shi Jie” (Apabila Biji Getah Meletup) dan Pelajaran 18 yang bertajuk “Cha Ju” (Jarak) dalam Buku Jilid Pertama.
3. Pelajaran yang mengisahkan benda statik, misalnya Pelajaran 4 yang bertajuk “Ru Gou Qiao Shang De Shi Si Zi” (Singa Batu Atas Jambatan) dalam Buku Jilid Pertama, Pelajaran 23 yang bertajuk “Kou Ji” (Kemahiran Meniru Bunyi) dan Pelajaran 3 yang bertajuk “Zui Da De Dong Wu – Jing” (Ikan Paus – Haiwan Terbesar) dalam Buku Jilid Ketiga.
4. Pelajaran yang terlalu berlandaskan informasi, misalnya Pelajaran 14 yang bertajuk “Cong Jia Gu Wen Dao Suo Wei Tu shu” (Dari Tulisan Kuno Atas Tulang Hingga Penghasilan Buku Bergambar) dalam Buku Jilid Ketiga.
5. Pelajaran yang terlalu berunsurkan nasihat, misalnya Pelajaran 15 yang bertajuk “Cong Dian Shi Cheng Jin Dao Dian Shi Cheng Tu” (Proses pembelajaran menghasilkan pelajar yang bijak atau sebaliknya) dalam Buku Jilid Ketiga, Pelajaran 1 yang bertajuk “Tan Le Ye” (Sikap Menyukai Kerja) dan Pelajaran 3 yang bertajuk “Xiang Wo Guo Shou Hao Di Ren Xuan Zhan” (Mencabar Musuh Utama Negara Kita)” dalam Buku Jilid Kelima.

Hasil kajian tentang pelajaran yang digemari dan tidak digemari oleh pelajar ini didapati selaras dengan hasil dapatan seperti yang tercatat dalam “Laporan Penilaian Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah”

Melalui kajian ini, satu rumusan telah dibuat tentang ciri-ciri teks yang digemari dan tidak digemari oleh pelajar seperti yang berikut:

1. Ciri Teks Yang Digemari Oleh Pelajar:

- a) Karya yang menyampaikan maksud hidup, membina semangat cintakan negara dan bangsa

Pelajaran yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan di atas adalah seperti Bab 17 yang bertajuk “Song Niu Nai De Hao Ye Ye” (Atuk Penghantar Susu Yang Bersikap Penyayang) dan Bab 20 yang bertajuk “Zui Hou Yi Ke” (Kelas Yang Terakhir) dalam buku Jilid Ketiga, serta Bab 18 yang bertajuk “Bei Ying” (Bayangan) dalam buku Jilid Kelima. Pelajaran-pelajaran tersebut diminati oleh pelajar.

Pelajar kelihatan ingin mempelajari kesedaran sivik dan cara berkomunikasi melalui pembelajaran bahasa Cina. Ini bermaksud, sesetengah pelajaran yang berunsur nasihat masih digemari oleh pelajar, asalkan nasihat yang disampaikan itu munasabah, mempunyai dorongan, dan penuh dengan perasaan.

- b) Bahan pengajaran yang sejajar dengan pengalaman hidup pelajar dan kandungan bahan pengajaran merupakan perkara yang dikenali oleh pelajar

Pelajaran seperti Pelajaran 9 dalam Buku Jilid Pertama yang bertajuk “Fan Xing” (Bintang) dan Pelajaran 4 dalam Buku Jilid Kelima yang bertajuk “Li Zhi Mi” (Lai Ci Manis) mempunyai kandungan yang berkaitan dengan hidup pelajar, jadi mereka mudah melahirkan rasa sepandapat dengan penulis. Jenis pelajaran ini mempunyai daya tarikan terhadap pelajar, lebih mudah diterima dan digemari oleh pelajar.

Jika kita bandingkan Pelajaran 9 yang bertajuk “Fan Xing” (Bintang) dan Pelajaran 10 yang bertajuk “Ting Chao” (Mendengar Bunyi Ombak) dalam Buku Jilid Pertama, pelajar lebih suka membaca “Fan Xing” (Bintang) walaupun kedua-dua pelajaran tersebut menggambarkan pemandangan. Ini adalah kerana “Fan Xing” (Bintang) mempunyai kandungan yang lebih berkait rapat dengan pengalaman hidup pelajar dan lebih dikenali oleh pelajar yang berasal dari kawasan bandar.

- c) Kandungan pelajaran bersifat positif, mencabar dan jenis menyelesaikan masalah .

Dalam konteks ini, walaupun pelajaran dalam Pelajaran 1 yang bertajuk “Xin Nian De Li Wu” (Hadiyah Tahun Baru) dalam Buku Jilid Pertama dan Pelajaran 2 yang bertajuk “Mei Yu Chou” (Kecantikan Dan Kehodohan) dalam Buku Jilid Ketiga merupakan jenis teks perbincangan,

namun ia masih digemari oleh pelajar. Dapatan kajian sedemikian menunjukkan bahawa “jenis teks” bukan merupakan faktor utama yang mempengaruhi minat pelajar terhadap sesuatu pelajaran. Sebaliknya, apa yang penting ialah bahan pengajaran itu sesuai dengan tahap pemahaman pelajar dan mampu melahirkan pendapat yang sama di kalangan pelajar. Semasa pengajaran, jika guru dapat mengajar dengan menggunakan contoh yang positif dalam hidup sebenar, nescaya pelajar dapat dibimbang dan didorong untuk berfikiran positif.

Di samping itu, pelajar didapati mengakumi budaya Cina. Ini dapat dibuktikan melalui pilihan pelajar terhadap beberapa pelajaran seperti Pelajaran 2 dengan tajuk “Xie Jing Shi San Shou” (Tiga buah Puisi Pemandangan) dan Pelajaran 7 dengan tajuk “ Yi She Jiu Ri” (Yi Memanah Sembilan Matahari) yang terdapat dalam Buku Jilid Pertama, serta Pelajaran 10 dengan tajuk “Shui Diao Ge Tou” yang terdapat dalam Buku Jilid Kelima. Pelajaran-pelajaran ini walaupun dianggap terlalu panjang dan mempunyai kosa kata yang sukar difahami, namun masih dipilih sebagai pelajaran yang digemari oleh pelajar. Ini adalah kerana pelajar berpeluang memahami budaya negara Cina melalui pelajaran-pelajaran tersebut. Dapatan kajian ini selaras dengan pendapat para guru seperti yang tercatat dalam “Laporan Penilaian Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah” yang disediakan Dong Jiao Zong (1996).

2. Ciri-ciri Teks Yang Tidak Digemari Oleh Pelajar

Kandungan pelajaran seperti Pelajaran 14 dalam Buku Jilid Ketiga yang bertajuk “Cong Jia Gu Wen Dao Wei Suo Tu Shu” (Dari Tulisan Kuno Atas Tulang Hingga Penghasilan Buku Bergambar), Pelajaran 2 dengan tajuk “Xiao Fei Ren De Quan Li He Yi Wu” (Hak Dan Kewajipan Konsumen) dan Pelajaran 3 dengan tajuk “Xiang Wo Guo De Shou Hao Di Ren Xuan Zhan” (Mencabar Dengan Musuh Utama Negara Kita) dalam Buku Jilid Kelima didapati terlalu saintifik dan berciri didaktik, maka tidak menghairanlah jika pelajar tidak suka membaca pelajaran-pelajaran tersebut.

Pelajaran 18 yang bertajuk “Cha Ju” (Jarak) dalam Buku Jilid Pertama mengisahkan pengalaman hidup dan perasaan penulis apabila pertama kali menyaksikan pemusnahan bangunan tinggi dengan letusan berarah di Amerika Syarikat dan pemusnahan bangunan yang menggunakan tenaga manusia di Guangzhou, China. Dua cara pemusnahan bangunan yang berbeza ini menunjukkan jurang kemahiran teknologi di negara-negara itu serta memaparkan rasa sedih penulis terhadap pencapaian teknologi tanah asalnya. Walaupun pelajar dapat merasai kepentingan penggunaan teknologi, namun cara penyampaiannya tidak dapat melahirkan rasa sependapat di kalangan pelajar-pelajar di Malaysia.

Pelajaran 15 dalam Buku Jilid Pertama yang bertajuk “Xiang Shi Bao Lie De Shi Jie” (Musim Biji Getah Meletup) mengisahkan perasaan

penulis apabila mendengar bunyi letupan biji getah, gambaran sedemikian berada di luar pengalaman pelajar di kawasan Kuala Lumpur. Jadi, adalah sukar bagi pelajar melahirkan perasaan yang sama seperti yang dirasai oleh penulis. Oleh yang demikian, pelajar didapati tidak gemar membaca pelajaran yang sedemikian.

Jumlah pelajar yang gemar membaca dan tidak gemar membaca Pelajaran 9 dalam Buku Jilid Pertama yang bertajuk "Fan Xing" (Bintang) lebih kurang sama. Bagi golongan pelajar yang gemar membaca pelajaran ini, mereka berasa bahawa kandungan pelajaran berkaitan dengan kehidupan harian mereka, maka mudah melahirkan rasa mesra. Bagi golongan pelajar yang tidak gemar membaca pelajaran ini, didapati bahawa pelajaran ini adalah sukar bagi pelajar untuk melahirkan perasaan yang sama seperti yang dirasai oleh penulis.

Sebagai kesimpulan, pelajar gemar mempelajari bahan pengajaran yang berkait rapat dengan minat dan pengalaman sendiri, dapat melahirkan rasa sependapat pelajar, berciri dorongan terhadap pemikiran pelajar dan menarik. Artikel-artikel yang dipilih sebagai teks yang digemari oleh pelajar didapati mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan di atas. Sebaliknya, pelajar tidak suka pelajaran dengan tajuk yang tidak jelas, membosankan dan kandungan yang tidak dapat melahirkan rasa sependapat pelajar. Dapatkan kajian ini sama dengan hasil kajian yang dijalankan oleh para cendekiawan di negara-negara lain.

5.2 Dapatan Kajian

Melalui dapatan kajian berkaitan daripada para cendekiawan, perbincangan teori dan catatan temu ramah yang dijalankan berdasarkan dua aspek yang merangkumi buku teks bahasa Cina tingkatan menengah rendah dan pembelajaran para pelajar, penggunaan buku teks dalam keadaan sebenar dan pandangan pelajar telah diketahui.

Kajian ini turut memaparkan persoalan bahawa jika buku teks hendak dijadikan suatu alat yang berkesan dalam membantu pencapaian objektif pengajaran, maka beberapa kelemahan berikut perlu diambil perhatian:

A. Dari Segi Buku Teks

1. Kandungan pelajaran tidak selaras dengan perkembangan mental pelajar dan tidak dapat memperluaskan pengalaman pelajar.

Pengajaran bahasa Cina tingkatan menengah rendah berfokus kepada pengajaran teks dalam buku. Pemilihan teks yang sesuai adalah sangat penting kerana ia akan membantu dalam pencapaian objektif pengajaran. Pengajaran bahasa Cina bukan hanya tertumpu kepada pendidikan rohani, apa yang lebih penting ialah kandungan teks haruslah selaras dengan perkembangan mental pelajar di samping memenuhi objektif pendidikan. Dengan cara ini barulah pelajar dapat memahami tujuan atau maksud teks yang dibaca, lalu dibimbing secara beransur-ansur untuk berfikiran matang,

bersikap aktif terhadap hidup dan memenuhi keperluan pembelajaran mereka.

Sebagai contoh, para remaja sentiasa mengagumi seseorang yang terkenal atau berjaya dan menganggap mereka sebagai pujaan sendiri. Jadi dalam konteks ini, teks atau karya yang ditulis oleh penulis-penulis terkenal boleh disertakan dalam buku sebagai bacaan pelajar, misalnya karya penulis-penulis dari Taiwan yang menjadi “pujaan” pelajar sekolah menengah di Malaysia seperti Xing Lin Zi yang merupakan seorang yang mencintai nyawa dan hidup walaupun beliau cacat, serta Liu Yong yang sentiasa memberi bimbingan dan nasihat dalam karya beliau. Penulis-penulis ini mengambil berat tentang masyarakat, ciri ini mempunyai dorongan yang positif terhadap pelajar. Jika karya mereka dapat dipilih sebagai bahan pengajaran, tambahan lagi dengan bimbingan guru, kesan yang baik akan diperlihatkan. Malangnya, “Kandungan Pengajaran” dalam huraian sukatan pelajaran Bahasa Cina telah menetapkan cara pemilihan teks dalam buku, jadi sesetengah teks yang bernilai moral tinggi tidak dapat disertakan.

Selain itu, kandungan teks yang dibaca sepatutnya melibatkan sesuatu yang telah dialami oleh pelajar atau sesuatu yang bakal dialami oleh pelajar pada masa akan datang. Pengalaman yang dinyatakan di sini termasuklah cara pemikiran, cara berkomunikasi dan melakukan kerja serta sikap terhadap hidup, yang dapat membantu pelajar menyesuaikan diri dalam hidup. Pelajar mungkin mengalami konflik hidup atau pencanggahan nilai

pada alam remaja, jika teks yang dipilih untuk bacaan remaja mengandungi nilai-nilai yang dapat menyelesaikan konflik maka ia dapat menambah pengalaman pelajar terhadap cara mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

Jenis teks yang memberikan perhatian kepada perkembangan mental dan pengalaman pelajar, didapati lebih mudah menarik minat pelajar memandangkan bahan pengajaran sedemikian berkait rapat dengan kehidupan pelajar dan sesuai dengan tahap keupayaan pelajar. Pengajaran bahasa Cina melibatkan aspek pendidikan budaya dan aspek memupuk nilai moral. Inti pati kesusasteraan Cina dapat dikenali melalui pembacaan prosa terkenal dan puisi klasik, dengan cara inilah keagungan budaya masyarakat Cina dapat dikenali oleh pelajar.

2. Struktur penyusunan teks tidak sesuai dengan tahap keupayaan pelajar

Kajian ini mendapati, pelajar masih mengalami masalah ketika mempelajari teks yang sedia ada dalam buku. Jadi, penghasilan dan penyusunan teks mengikut tahap kesukaran perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Kandungan bahan pengajaran bahasa Cina disusun mengikut paduan seperti yang dinyatakan pada Bab 2 dalam “Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia” bahawa setiap

pembelajaran harus disusun mengikut tahap kesukaran yang meningkat secara beransur-ansur bermula dari buku Jilid Pertama tingkatan menengah rendah satu hingga Jilid Keenam tingkatan menengah rendah tiga, agar setiap latihan dapat diperkembangkan secara berkesinambungan. Akan tetapi, melalui respons pelajar dalam kajian ini, kelihatan bahawa keadaan sebenar masih jauh berbanding dengan impian tersebut.

Pada pendapat penyelidik, pelbagai faktor perlu dipertimbangkan ketika menyusun bahan pengajaran, antara lain sama ada kematangan fikiran pelajar mempunyai pengaruh terhadap pembelajaran bahan pengajaran; sama ada pengalaman pelajar boleh dijadikan asas pembelajaran perkara baru; sama ada umur dan kecerdasan pelajar menyenangkan pembelajaran; minat pelajar ketika mempelajari bahan pengajaran tersebut; sama ada pelajar berpeluang mempraktiskan bahan pengajaran selepas pembelajaran; dan sama ada tahap kesukaran bahan pengajaran sesuai dan mencabar.

Penyusunan bahan pengajaran mengikut tahap yang sesuai amat mempengaruhi proses pembelajaran para pelajar. Jika kandungan bahan pengajaran terlalu mudah, pelajar akan berasa bosan dan motif pembelajaran tidak dapat dicapai. Sebaliknya, jika kandungan bahan pengajaran terlalu sukar, ia juga akan menjelaskan minat pembelajaran atau menyekat pelajar daripada mempelajarinya. Jadi, penyusunan dan pemaparan bahan pengajaran perlu dilakukan secara teliti.

B. Dari Segi Pembelajaran Para Pelajar

1. Pelajar kurang bersikap proaktif

Pembelajaran bahasa Cina yang berkesan melibatkan membuat persiapan awal, mengenali apa yang dipelajari, dan akhirnya mengulangkaji apa yang telah dipelajari. Pelajar boleh membuat persiapan awal dengan bimbingan guru, iaitu mengenal soalan yang akan timbul dalam pembelajaran dan cuba menyelesaikan soalan dengan usaha sendiri. Dengan itu, pelajar akan lebih memahami sesuatu pelajaran semasa perbincangan dalam kelas dijalankan. Tujuan membuat persiapan awal adalah untuk melatih pelajar supaya memupuk sikap membaca dan membina keupayaan membaca sendiri. Jadi, persiapan awal merupakan hal penting dalam pembelajaran bahasa Cina.

Pelajar diminta mengulangkaji pelajaran supaya mereka dapat melatih perkara yang telah dipelajari, mengenali kosa kata sehingga dapat menggunakanya, memahami cara penggunaan kata atau pembinaan ayat, cara menulis secara efektif, serta memahami kandungan dan tujuan teks secara menyeluruh lalu mempraktiskan keindahan bahasa yang telah dipelajari. Kerja mengulangkaji dapat membantu pembacaan yang berkesan. Pelajar mungkin menghayati perkara baru setiap kali mereka membuat ulangkaji.

Malangnya, respons pelajar secara umumnya menunjukkan pelajar tidak mengulang kaji atau membuat persediaan yang secukupnya. Mereka hanya mengulang kaji pelajaran menjelang peperiksaan.

5.3 Cadangan

Penemuan daripada analisis data yang memberi maklumat mengenai penilaian pelajar terhadap liputan kandungan buku-buku teks yang dikaji itu, secara umumnya dapat dirumuskan bahawa beberapa kelemahan dari segi buku-buku teks dan ciri-ciri sifat pembelajaran dari pelajar. Berdasarkan kepada rumusan di atas, cadangan-cadangan akan dibincangkan dan dikemukakan dari segi buku teks, iaitu penyusunan, penggunaan, penyemakan buku teks dan cara pembelajaran bagi membaiki dan memperkuatkan lagi mutu dan kesan buku teks.

Berikut merupakan beberapa cadangan untuk mengatasi kelemahan yang timbul:

A. Dari Segi Buku Teks

1. Mengukuhkan lagi proses penghasilan dan penyusunan pelajaran buku teks

Sukatan pelajaran harus berkembang mengikut keperluan. Oleh yang demikian, buku teks perlu digunakan dalam kelas, disemak dan dinilai supaya memenuhi kehendak proses pengajaran yang sebenar.

“Negara kita masih kekurangan pakar dan tenaga manusia untuk menghasilkan buku teks, jadi kita terpaksa menjemput pakar

pendidikan bahasa dari Maktab Perguruan Huan Nan di Guangzhou, China untuk membantu menghasilkan bahan pengajaran. Pakar-pakar tempatan dalam bidang pendidikan digalakan menceburkan diri dalam bidang penghasilan bahan pengajaran”⁷

Memandangkan keadaan sedemikian, jawatankuasa penghasilan bahan pengajaran pada masa akan datang sepatutnya disertai individu yang merupakan pakar pendidikan dan memahami keadaan pengajaran yang sebenar di sekolah-sekolah tempatan. Pendapat pelbagai pihak juga harus dipertimbangkan, perancangan yang teliti perlu dilakukan dalam penyediaan bahan pengajaran agar selaras dengan perkembangan mental dan keupayaan pelajar.

2. Meneliti proses penggunaan buku teks secara percubaan

Proses menggunakan buku teks secara percubaan adalah wajib dan munasabah. Satu sistem penyemakan buku teks dan struktur percubaan menggunakan buku teks harus diwujudkan untuk memastikan kualiti buku teks agar lebih sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran keadaan sebenar.

Sehubungan dengan ini, adalah disarankan bahawa program

⁷ Temu ramah bersama Ahli Jawatankuasa Penyemakan buku bahasa Cina, Encik Lin Guo An, 9.2.1997

penerbitan buku teks dilaksanakan dalam tempoh dua tahun. Ini dapat memberi masa yang secukupnya untuk peringkat penyusunan, uji bahan, kawalan mutu buku teks tersebut. Tahun pertama digunakan khusus untuk perancangan, penyelidikan dan penyusunan. Ini diikuti dengan peringkat uji bahan di sekolah-sekolah terhad selama setahun atau sebahagian tahun mengikut masa yang mengizinkan pada tahun kedua. Dalam peringkat ini, kawalan mutu dan penulisan semula buku perlu dijalankan mengikut hasil uji bahan di lapangan. Dengan ini, masa yang mencukupi akan menjamin buku teks dapat dihasilkan dengan tinggi mutunya.

3. Menetapkan skim penilaian buku teks dan mengemukakan keberkesanan penggunaan buku teks

Buku teks mempunyai pengaruh terhadap kesan pembelajaran. Pada masa ini, masih belum ada sistem yang menyeluruh untuk menilai penggunaan buku teks yang berkenaan. Sebelum ini, Dong Jiao Zong hanya menjalankan kajian soal selidik terhadap sebilangan kecil guru dan pelajar di sesuatu kawasan tertentu. Demi mendapatkan hasil penilaian yang lebih objektif dan tepat, satu sistem penilaian mengikut tempoh masa yang tertentu bolehlah diadakan, lalu keberkesanan penggunaan buku teks dikemukakan sebagai panduan penyemakan semula.

B. Dari Segi Pembelajaran Para Pelajar

Respons pelajar dalam kajian ini menunjukkan sikap dan cara pelajar dalam pembelajaran bahasa Cina perlu diperbaiki dan dibimbing melalui cara berikut:

1. Meningkatkan minat pembelajaran

Bahasa merupakan kemahiran penting dalam kehidupan seharian. Bahasa memperlihatkan ciri-ciri seni dan dinamik yang mudah menarik minat pelajar untuk mempelajarinya. Akan tetapi, cara bimbingan atau cara pembelajaran bahasa yang kurang sesuai mungkin akan mempengaruhi minat pembelajaran para pelajar.

Minat merupakan daya gerakan pembelajaran. Jika tahap penguasaan bahasa Cina pelajar hendak dipertingkatkan, maka pelajar hendaklah mempunyai keinginan untuk mempelajari bahasa Cina. Keinginan untuk belajar bahasa Cina dapat dihasilkan jika pelajar mempunyai persepsi positif terhadap pembelajaran bahasa Cina dan memahami kepentingan bahasa Cina dari segi hubungan rapatnya dengan pembelajaran perkara lain.

Di samping itu, bahan pengajaran yang digunakan perlu sesuai dengan minat, keperluan, dan keupayaan pelajar. Pemilihan bahan pengajaran perlu sentiasa berlandaskan tiga perkara yang dinyatakan tersebut. Apabila terdapat bahan pengajaran yang sesuai, guru perlu mengajar dengan cara yang kreatif, menggalakkan aktiviti pelajar untuk mengelakkan suasana pengajaran yang hanya dikendali oleh guru tanpa penyertaan bersama pelajar.

Pelajar perlu digalakkan supaya banyak membaca dan mengarang kerana mereka mempunyai sikap ingin tahu dan pendapat sendiri yang perlu dilafazkan. Pelajar harus didorong menceburi pelbagai aktiviti bahasa. Ini bukan sahaja dapat menonjolkan bakat mereka, malah mereka berpeluang berbincang dengan rakan sebaya. Dengan ini, pelajar dapat mempraktiskan bahasa yang telah dipelajari dan melalui penggunaan bahasa, mereka akan menyedari keperluan mempelajari bahasa lalu menghasilkan minat mempelajari bahasa.

Pelajar tingkatan menengah rendah merupakan golongan remaja yang belum matang dari segi fizikal dan mental. Jadi, mereka memerlukan galakan dan bantuan guru. Adalah penting jika guru dapat mencurahkan kasih sayang dan kesabaran mereka untuk membantu pelajar agar berpeluang belajar dalam suasana yang gembira, dan melalui suasana pembelajaran ini, pelajar dapat menguasai kemahiran asas hidup, membina sahsiah yang sihat dan persepsi hidup yang positif

demi mengharungi tempoh masa paling penting dalam hidup mereka.

2. Memperbaiki cara mempelajari bahasa Cina

Pembelajaran bahasa Cina yang berkesan tidak dapat dilakukan jika pelajar hanya menaruh minat untuk mempelajari bahasa Cina tetapi tidak mengetahui cara mempelajari bahasa Cina. Jadi, cara mempelajari bahasa Cina secara berkesan perlu ditekankan supaya pelajar tingkatan menengah rendah dapat menguasai bahasa Cina dalam tempoh tiga tahun yang terbatas itu.

Respons pelajar menunjukkan bahawa cara mempelajari bahasa Cina para pelajar perlu diperbaiki. Berikut merupakan beberapa cadangan:

a) Memberi penekanan kepada persiapan awal

Persiapan awal amat penting untuk membolehkan pelajar bersiap sedia sebelum sesuatu pelajaran diajar oleh guru. Guru perlu membimbing pelajar tentang cara mengesan masalah dan membaca maklumat. Dengan ini, pelajar akan merasai keseronokan mempelajari bahasa Cina kerana mereka berpeluang menyertai aktiviti pengajaran. Pelajar juga akan membina sikap berdikari dan keyakinan mereka.

- b) Mengukuhkan lagi keupayaan memahami pelajaran secara menyeluruh dan menghayati keindahan pelajaran

Pelajar bukan sekadar perlu memahami penggunaan kata dan maksud teks yang dibaca, mereka juga perlu mengaji secara lebih mendalam tentang kandungan dan struktur teks.

Pelajar perlu dibimbing dari segi cara menghasilkan idea dan memahami maksud teks untuk menarik minat mereka agar mengaji secara lebih teliti tentang tajuk utama teks sehingga mereka dapat menghayati sesuatu karya yang dibaca.

Di samping itu, pelajar perlu diajar teknik penggunaan kata, pembinaan ayat, penentuan tajuk dan penyusunan karya yang diamalkan oleh penulis-penulis serta berminat mengaji kata dan frasa lalu menggunakan dalam bacaan dan karangan sendiri.

Pelajar juga harus dibimbing untuk membina daya estetik yang tinggi, beupaya menilai ciri kesenian dan gaya teks agar memaparkan keupayaan sastera dalam mengindahkan hidup kita.

- c) Mengamalkan tabiat menghafal teks

Penghafalan merupakan kaedah yang penting sekali bagi pelajar tingkatan menengah rendah dalam proses pembelajaran

bahasa Cina. Dipercayai bahawa lebih banyak yang dihafal, maka lebih mudah menghasilkan idea ketika mengarang. Jadi, setelah pelajar memahami maksud teks, mereka harus membaca keseluruhan teks dan menghafal bahagian teks yang indah atau bermaksud.

d) Membentuk tabiat mengulangkaji

Pelajar harus mengulangkaji bukan semata-mata untuk menghafal frasa atau menghadapi peperiksaan. Tujuan mengulangkaji adalah supaya pelajar dapat menguasai sesuatu bahan pengajaran dengan lebih berkesan setelah mereka memahami bahan pengajaran yang dipelajari.

Cara peperiksaan harus diubahsuai demi membetulkan cara pembelajaran para pelajar. Soalan peperiksaan perlu lebih bersifat dinamik yang memerlukan pelajar banyak berfikir. Ini adalah supaya pelajar dapat menumpukan perhatian dan menggunakan fikiran mereka dari mula belajar sehingga tamat belajar dan bukan hanya bergantung kepada ingatan sahaja.

Perbincangan di atas memperlihatkan beberapa cadangan tentang buku teks bahasa Cina untuk pelajar tingkatan menengah rendah dan pembelajaran para pelajar.

Bahan pengajaran bahasa Cina tingkatan menengah rendah dikaji dari segi pandangan pelajar terhadap pembelajaran kerana ini merupakan salah satu cara yang dapat meningkatkan keberkesan pengajaran bahasa tingakatan menengah rendah.

Laporan Dong Jiao Zong yang tercatat dalam “Satu Perbincangan Tentang Penyuntingan Dan Struktur Bahan Pengajaran Bahasa Cina Di Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia”⁸ menunjukkan bahawa kini terdapat ramai pelajar sekolah menengah persendirian Cina yang masih tidak dapat menyampaikan idea secara berkesan menerusi bahasa sama ada keadaan ini disebabkan oleh kekurangan motif untuk belajar, faktor bahan pengajaran atau keupayaan pelajar yang rendah. Persoalan tersebut menjadi asas kajian ini. Walau bagaimanapun, dari data yang diperoleh mengenai keadaan pembelajaran dan respons pelajar, kajian ini memaparkan faktor-faktor subjektif dan objektif yang mempengaruhi pembelajaran para pelajar. Maklumat ini boleh dijadikan panduan untuk kajian pendidikan bahasa Cina pada masa hadapan.

5.4 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menganalisis hasil kajian yang berkaitan dan borang soal selidik. Sebelum borang soal selidik dikelolakan, perbincangan

⁸ Laporan ini disediakan oleh Bahagian Sukatan Pelajaran Dong Jiao Zong pada 15.5.1994.

telah diadakan untuk memantapkan borang soal selidikan itu sendiri. Walaupun penyelidik cuba sedaya upaya untuk menjamin kualiti kajian ini, namun masih terdapat beberapa batasan dalam kajian ini.

A.Batasan Dari Segi Pelaksanaan Kajian

1. Soalan yang disertakan dalam borang soal selidik merangkumi soalan umum tentang buku teks dan pembelajaran. Oleh sebab skop kajian terlalu luas, dan terdapat pula batasan masa dan keupayaan, soal selidik ini tidak dapat merangkumi semua jenis soalan.
2. Borang soal selidik ini hanya melibatkan soalan objektif, iaitu pihak yang menjawab hanya perlu menandakan jawapan yang sesuai demi menyenangkan kerja menganalisis kandungan. Tidak dapat dinafikan bahawa cara ini akan mengehadkan pemikiran yang kritis pihak menjawab. Cara ini juga tidak dapat mengaji sesetengah faktor yang berubah secara mendalam. Walau bagaimanapun, kajian ini masih mampu dijadikan panduan bagi kajian lanjut pada masa kelak.
3. Kajian ini melibatkan sasaran kajian yang terdiri daripada pelajar di sekolah menengah tengah Semenanjung Malaysia. Oleh sebab batasan faktor masa, perbelanjaan dan keupayaan, kajian ini hanya mengambil sampel dari tiga buah sekolah, dan melibatkan seramai 438 pelajar. Sampel

kajian juga tidak melibatkan pelajar kawasan luar Bandar di Sabah dan Sarawak. Jadi, hasil kajian hanya menunjukkan persepsi secara umum dari kawasan tempatan sahaja.

Skop kajian untuk kajian ini terhad kerana cuam tiga buah sekolah sahaja yang terlibat. Jika maklumat yang lebih objektif dan tepat ingin diperoleh, kajian ini juga sepatutnya melibatkan temu ramah dengan pelajar, maka hasil yang lebih menyeluruh dapat diperoleh. Malangnya, cara ini tidak dapat dilaksanakan kerana faktor tenaga manusia dan sumber. Jadi, jika mana-mana pihak ingin memperoleh hasil kajian yang lebih konkret, mereka boleh menjalankan kajian secara lebih menyeluruh yang melibatkan sampel kajian di seluruh Malaysia atau kaji salah sesuatu pelajaran secara mendalam.

4. Oleh sebab sasaran kajian ini melibatkan para pelajar, mereka mungkin kurang berupaya memahami tajuk kajian dengan baik. Buku teks perlu juga dikaji dari segi cara penggunaannya oleh guru dalam kelas kerana guru memainkan peranan yang amat penting dalam menyampaikan maklumat atau kandungan buku teks. Melalui penerangan guru, kandungan buku teks dapat digunakan secara lebih berkesan. Dengan kata lain, jika soal penggunaan buku teks dikaji dari segi pendirian guru untuk mengetahui keadaan mereka menggunakan buku teks, pendapat mereka terhadap buku teks dan fungsi atau peranan buku teks terhadap pengajaran. Kajian ini akan menjadi lebih lengkap dan hasil kajian yang diperoleh juga lebih sempurna.

B. Batasan Dari Segi Kajian Data

1. Dari segi rujukan kajian berkaitan, didapati data kajian tentang buku teks bahasa Cina masih kekurangan. Penyelidik juga menghadapi batasan ketika menganalisis sesuatu sumber kajian kerana Dong Jiao Zong tidak pernah mengumpul data tentang edisi buku teks bahasa Cina yang pernah diterbitkan secara sistematis. Pihak Dong Jiao Zong juga tidak dapat memberi maklumat tentang bukti dan asas penghasilan Sukutan Pelajaran buku teks bahasa Cina.

2. Sebelum temu ramah dijalankan, penyelidik telah berkali-kali menjelaskan tujuan kajian ini kepada ahli jawatankuasa penghasilan buku Dong Jiao Zong. Walau bagaimanapun, motif penyelidik tetap diragui. Pihak berkenaan tidak memberikan hurai terperinci tentang data-data yang diperlukan. Paduan kali keempat dan kelima penyelidik untuk menemu ramah pihak Dong Jiao Zong turut ditolak. Ini akibatnya, analisis data kajian ini dilakukan mengikut keupayan penyelidik yang sebaik mungkin.